

PIAGAM AUDIT DALAM

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Bahagian Audit Dalam (BhAD) Universiti Pendidikan Sultan Idris telah ditubuhkan pada 1 Februari 2000 dengan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui Mesyuarat LPU Ke-11.
- 1.2 BhAD ditubuhkan sebagai badan bebas dan berobjektif yang memberi jaminan dan khidmat perundingan untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi organisasi. Ia membantu organisasi mencapai tujuannya dengan membawa pendekatan disiplin yang sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus.

2. PERANAN

Penubuhan BhAD adalah melalui LPU selaras dengan Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bil. 3 Tahun 1998. BhAD memainkan peranan penting dalam membantu LPU bagi melaksanakan fungsi pengawasan (*oversight*).

3. VISI

Visi BhAD adalah menjadi entiti yang cemerlang dan menjadi sumber rujukan dengan memberikan perkhidmatan pengauditan dan khidmat nasihat selaras dengan visi UPSI.

4. MISI

Misi BhAD adalah meningkatkan akauntabiliti dan memastikan penggunaan sumber-sumber secara ekonomik, efisien dan efektif melalui perkhidmatan audit yang bebas (*independence*), professional dan berkualiti untuk mencapai aspirasi pendidikan dalam pembangunan insan dan masyarakat.

5. PROFESIONALISME

BhAD melaksanakan pentadbiran dan fungsi-fungsinya dengan berpegang kepada panduan yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia [*The Institute of Internal Auditor's Malaysia (IIAM)*] termasuklah definisi Audit Dalam, Kod Etika Juruaudit dan piawai *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing*. Panduan ini mengandungi prinsip-prinsip keperluan penting bagi amalan profesional Audit Dalam serta bagi menilai keberkesanan prestasi Audit Dalam.

Internal Auditor's Practice Advisories, Practices Guides and Position Papers yang dikeluarkan oleh pihak IIA juga akan digunakan sebagai panduan dalam menjalankan pengauditan. Di samping itu, aktiviti Audit Dalam juga berpandu kepada polisi dan prosedur berkaitan yang ditetapkan oleh Universiti, Perbendaharaan dan badan-badan profesional lain yang diiktiraf serta manual prosedur operasi standard.

6. KUASA

BhAD diberi kuasa penuh, bebas dan tidak terbatas untuk memperoleh atau memeriksa semua rekod, harta fizikal dan hal-hal berkaitan dengan kakitangan UPSI dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan. Semua kakitangan yang terlibat perlulah memberi kerjasama kepada pihak BhAD bagi memenuhi tugas dan tanggungjawabnya.

7. ORGANISASI

Ketua Audit Dalam (KAD) bertanggungjawab melaporkan urusan pentadbiran kepada Naib Canselor (NC) dari semasa ke semasa. Manakala bagi pelaporan fungsi pengauditan, KAD bertanggungjawab melaporkannya secara terus kepada Jawatankuasa Audit Universiti (JKA) melalui Mesyuarat JKA yang dikendalikan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun bagi membentangkan laporan audit yang telah dikeluarkan.

8. BADAN BEBAS DAN BEROBJEKTIF

- 8.1 Aktiviti BhAD sentiasa bebas daripada campur tangan mana-mana pihak dalam Pengurusan UPSI termasuklah hal-hal yang melibatkan pemilihan tajuk auditan, skop auditan, prosedur auditan, kekerapan pengauditan, tempoh atau kandungan laporan audit bagi mengekalkan kebebasan yang diperlukan dan pandangan daripada Pengurusan Universiti (jika perlu).
- 8.2 Juruaudit tidak terlibat secara langsung ke atas operasi atau mana-mana aktiviti bagi perkara yang telah diaudit. Oleh yang demikian, Juruaudit tidak akan terlibat dalam melaksanakan kawalan dalaman, penggubalan prosedur, pembangunan sistem, penyediaan rekod-rekod atau terlibat dengan sebarang aktiviti yang mungkin boleh menjejaskan penilaian Juruaudit.
- 8.3 Juruaudit perlu menunjukkan tahap profesional yang paling tinggi dan berobjektif dalam mengumpul, menilai dan menyampaikan maklumat mengenai aktiviti atau proses yang telah diaudit. Juruaudit perlu membuat penilaian yang seimbang dalam semua keadaan yang berkaitan dan tidak boleh dipengaruhi oleh kepentingan sendiri atau orang lain dalam membuat penilaian.

9. TANGGUNGJAWAB

BhAD diberi tanggungjawab untuk mengkaji, menganalisa, menyiasat, menilai dan memberi pendapat, pandangan serta cadangan ke atas mana-mana aspek, aktiviti, fungsi atau operasi UPSI.

Objektif utama BhAD adalah membantu pihak LPU dan Pengurusan Universiti melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada UPSI dengan lebih berkesan. Untuk tujuan tersebut, BhAD akan melaksanakan tugas-tugas pengauditan berdasarkan perkara berikut :-

- 9.1 Mengkaji semula pelaksanaan polisi dan aktiviti Universiti dan Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawahnya dalam tempoh tertentu untuk mengetahui sama ada fungsi perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan adalah berdasarkan dasar, arahan dan peraturan pengurusan dan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik.
- 9.2 Menilai kebergantungan dan integriti maklumat dan kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti, mengukur, mengelas dan melaporkan maklumat tersebut.

- 9.3 Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi.
- 9.4 Mengkaji ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan dan mengenalpasti cara untuk mengukur, menjenis dan melaporkan maklumat tersebut.
- 9.5 Mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan ianya selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi serta menentukan sama ada Universiti mematuhiinya. Jika perlu, mencadangkan dasar yang sesuai.
- 9.6 Menilai pengurusan risiko Universiti.
- 9.7 Mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut.
- 9.8 Menilai faedah dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenalpasti peluang untuk meningkatkan penggunaan sumber serta mencadangkan cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan.
- 9.9 Mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program untuk memastikan sama ada hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan serta ianya telah dilaksanakan sepertimana yang dirancang.
- 9.10 Menyelaras tugas Audit Dalam dengan Audit Luar.
- 9.11 Melaksanakan perundingan dan khidmat nasihat yang berkaitan dengan tadbir urus serta kawalan dalaman yang bersesuaian dengan sistem operasi Universiti.
- 9.12 Menjadi penasihat dan pemerhati dalam pembangunan sistem pengurusan berasaskan komputer terutama dari aspek :
 - a. Ciri-ciri kawalan dalaman;
 - b. Ciri-ciri ketepatan; dan
 - c. Keupayaan merekod dokumentasi supaya sistem yang dimajukan ini dapat membantu Universiti mencapai matlamatnya.

- 9.13 Mengemukakan Rancangan Audit Tahunan (RAT) kepada JKA untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 9.14 Melaporkan kepada pihak pengurusan sesiapa yang sepatutnya mengambil tindakan atas sesuatu teguran audit.
- 9.15 Melaporkan kakitangan yang didapati melakukan penyelewengan.
- 9.16 Memastikan setiap perancangan dan tindakan yang dibuat oleh UPSI telah mengambil kira pandangan audit sebelumnya berdasarkan laporan-laporan audit yang dikeluarkan.
- 9.17 Menilai semua rancangan dan tindakan yang telah diambil selaras dengan teguran audit.
- 9.18 Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada JKA yang meliputi perkara berikut :-
 - a. Tindakan susulan yang telah diambil di atas penemuan audit;
 - b. Peningkatan keberkesanan dan kelicinan operasi, hasil daripada tindakan audit;
 - c. Penyelarasan Audit Dalam dan Audit Luar untuk mengelakkan pertindihan;
 - d. Perancangan kerja audit; dan
 - e. Halangan yang dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja audit.

10. RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

KAD akan mengemukakan Rancangan Audit Tahunan (RAT) pada setiap tahun kepada JKA untuk pertimbangan dan kelulusan. RAT disediakan berdasarkan keutamaan kepada *audit universe* menggunakan kaedah penilaian risiko termasuk input daripada pihak Pengurusan Universiti dan JKA. Sebarang perubahan terhadap RAT yang telah diluluskan akan dimaklumkan kepada JKA.

11. PELAPORAN DAN PEMANTAUAN

- 11.1 Laporan Audit akan dibentang di dalam Mesyuarat JKA dengan salinan kepada NC, Timbalan-timbalan NC, Pendaftar, Bendahari dan pihak yang diaudit.
- 11.2 Laporan pemantauan yang mengandungi maklum balas daripada PTj dan tindakan pembetulan

yang diambil terhadap penemuan dan syor audit serta keputusan Mesyuarat JKA. Maklum balas daripada PTj perlu mengandungi tindakan penambaaikan/pembetulan serta mengandungi bukti-bukti tindakan yang dilaksanakan.

- 11.3 Unit Integriti (UI) dan BhAD bertanggungjawab menjalankan pemantauan ke atas penemuan dan cadangan penambahbaikan yang dinyatakan sepertimana yang dipersetujui. Penemuan-penemuan penting akan kekal sebagai isu terbuka sehingga ianya diselesaikan.
- 11.4 BhAD juga akan membuat pemeriksaan/mengadakan semakan secara dalaman terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

12. PELAPORAN BERKALA

KAD akan melaporkan secara berkala kepada NC dan JKA mengenai tujuan, kuasa dan tanggungjawab serta prestasi berkaitan dengan perancangan aktiviti Audit Dalam. Pelaporan juga termasuk pendedahan risiko penipuan, isu-isu tadbir urus dan perkara-perkara lain mengikut keperluan.

KAD bertanggungjawab membuat penilaian berkala ke atas perkara yang dinyatakan di dalam piagam bagi tujuan jaminan kualiti serta objektif Audit Dalam dicapai.